



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## **SIARAN MEDIA**

### **TRADISI AMALAN RUMAH TERBUKA DAN BUDAYA KUNJUNG-MENGUNJUNGI PERLU DIHIDUPKAN SEMULA**

---

**KANOWIT**, 24 Mei 2026 – Semangat kejiranan yang utuh akan melahirkan masyarakat yang saling menghormati, prihatin, bekerjasama dan sentiasa bersatu padu dalam mengekalkan keharmonian serta keamanan negara. Perkara tersebut dinyatakan oleh YB Dato Sri Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara semasa menyempurnakan Program Satelit Khas: Kenduri Rakyat MADANI Tahun 2026 di sini.

YB Dato Sri Aaron Ago Dagang dalam ucapannya menyeru supaya **seluruh rakyat Malaysia terus menghidupkan semula amalan rumah terbuka dan budaya kunjung-mengunjungi sesama jiran serta komuniti tanpa mengira kaum, agama dan latar belakang** kerana tradisi ini bukan sahaja mencerminkan nilai murni masyarakat Malaysia, malah menjadi **medium terbaik dalam memperkukuh semangat kejiranan, memupuk persefahaman serta mengeratkan hubungan silaturahim antara rakyat.**

Penganjuran program ini adalah bertujuan menyemai semangat kebersamaan, hormat-menghormati dan keharmonian antara masyarakat pelbagai kaum selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI di samping mengangkat signifikan Hari Gawai sebagai perayaan kesukuran selepas musim menuai, kenduri ini turut menjadi **medium memelihara adat resam, seni budaya dan tradisi warisan agar terus dihargai serta diwarisi oleh generasi muda.**

Selain itu, **sambutan ini membuktikan bahawa kepelbagaian budaya mampu menjadi asas kukuh dalam mengeratkan perpaduan, memupuk rasa saling menghormati serta memperkasakan identiti Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum yang hidup dalam suasana aman dan harmoni.** Kementerian Perpaduan Negara akan terus komited dalam memperkukuh perpaduan nasional melalui pelbagai **program silang budaya, penghayatan warisan dan inisiatif kemasyarakatan yang menyatukan rakyat** kerana usaha ini penting bagi memastikan keharmonian dan kestabilan negara terus diperkasakan.

Pada masa yang sama, Kerajaan MADANI juga terus menzahirkan keprihatinan terhadap kebajikan rakyat melalui penyerahan **Sumbangan Bakul Rahmah kepada golongan sasaran.** Sumbangan disampaikan oleh YB Dato Sri Aaron Ago Dagang kepada **100 penerima daripada golongan kurang berkemampuan di sekitar Kanowit** bagi membantu meringankan beban serta membuat persediaan menyambut perayaan Hari Gawai dengan lebih sempurna dan bermakna.

**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

24 Mei 2026

KPN.100-9/1/16 ( 52 )

